

CBCMSB pinda tarikh dua Hari Raya Wajib dan syor Misa Penjagaan Ciptaan

KUALA LUMPUR: Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei (CBCMSB) mengumumkan perubahan tarikh sambutan dua Hari Raya Wajib, iaitu Hari Raya Maria Diangkat ke Syurga bagi tahun 2026 dan Hari Raya Semua Orang Kudus bagi tahun 2027, atas pertimbangan pastoral.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan pada Julai 14, Presiden Komisi Liturgi Serantau, Kardinal William Goh, menjelaskan bahawa keputusan itu dibuat selepas berunding dengan komisi tersebut bagi memudahkan umat di rantau ini menunaikan kewajipan mereka untuk merayakan Hari Raya Wajib.

Bagi tahun 2026, Hari Raya Maria

Diangkat ke Syurga yang jatuh pada Sabtu, Ogos 15, dipindahkan ke **Hari Minggu, Ogos 16**.

Oleh itu, semua Misa pada hujung minggu tersebut akan menggunakan liturgi Hari Raya Maria Diangkat ke Syurga, dan penyertaan umat dalam Misa berkenaan akan memenuhi kewajipan Hari Raya Wajib.

Hari Raya Semua Orang Kudus bagi tahun 2027

Pada tahun hadapan, Hari Raya Semua Orang Kudus akan disambut pada Isnin, November 1, 2027. Hari raya ini merupakan Hari Raya Wajib di rantau ini.

Bagi tujuan pastoral, CBCMSB setelah

berunding dengan Komisi Liturgi Serantau, telah memutuskan untuk mengawalkan sambutan Hari Raya Semua Orang Kudus ke Hari Minggu, Oktober 31, 2027.

Jadual liturgi adalah seperti berikut:

- **Sabtu, Oktober 30:** Misa senja akan menggunakan liturgi Hari Raya Semua Orang Kudus.
- **Hari Minggu, Oktober 31:** Semua Misa akan menggunakan liturgi Hari Raya Semua Orang Kudus.
- **Isnin, November 1:** Misa akan menggunakan liturgi Minggu Biasa Ke-31.

CBCMSB turut memaklumkan bahawa sambutan Hari Raya Krismas pada Sabtu, Disember 25, 2027, tidak berubah dan akan disambut mengikut jadual biasa.

September 1: Hari Doa Sedunia bagi Penjagaan Ciptaan

CBCMSB turut menyarankan agar Misa Penjagaan Ciptaan diraikan setiap tahun pada September 1, bersempena Hari Doa Sedunia bagi Penjagaan Ciptaan, sebagai tanda komitmen Gereja terhadap usaha memelihara alam ciptaan.

Dalam Kenyataan Pastoral bertarikh Julai 17, 2026, CBCMSB memaklumkan bahawa saranan itu dikemukakan selepas perundingan dengan Komisi Liturgi Serantau.

Selain September 1, Misa Votif Penjagaan Ciptaan juga boleh dirayakan pada hari biasa yang lain. Namun, sekiranya September 1 jatuh pada hari Minggu, liturgi Hari Minggu hendaklah diutamakan.

Jadilah pembina persekutuan

VATIKAN: “Jadilah pembina persekutuan, bukannya arkitek Babel; jadilah pelayan Kerajaan yang sedang datang, bukannya penguasa menara yang pasti akan runtuh.”

Dengan kata-kata ini, Sri Paus Leo XIV mengulangi seruannya dalam ensiklik *Magnifica Humanitas* (No. 16) agar kita sentiasa menempatkan Tuhan sebagai cakrawala setiap tindakan dan manusia sebagai pusat setiap keputusan.

Seruan itu terkandung dalam surat Sri Paus kepada Kardinal Oswald Gracias, Uskup Agung Emeritus Bombay, yang dilantik sebagai Utusan Khas Sri Paus ke Perhimpunan Pleno Ke-12 Persekutuan Persidangan Uskup-uskup Asia (FABC), yang berlangsung di Jakarta, Indonesia, dari Julai 20 hingga 26, 2026.

Dalam surat yang ditulis dalam bahasa Latin itu, Sri Paus menggalakkan umat beriman dan para uskup agar tidak takut untuk “mengotorkan tangan di tapak pembinaan zaman kita,” sambil diteguhkan oleh harapan “agar Gereja yang dikasihi di Asia terus bertumbuh dalam iman dan kemanusiaan.”

Golongan miskin, migran dan orang sakit ialah “batu penjur”

Dalam dokumen magisterium tersebut, Sri Paus Leo XIV memetik Mazmur 85 dan menegaskan bahawa melalui komitmen bersama seluruh komuniti Gereja, “batu-batu yang telah ditolak — iaitu golongan miskin, orang sakit, para migran dan mereka yang kecil — akan menjadi batu penjur. “batu-batu yang telah ditolak — iaitu golongan miskin, orang sakit, para migran dan mereka yang kecil — akan menjadi batu penjur.”



“Di atas bumi akan tertegak sebuah rumah bersama yang teguh dan terbuka kepada semua, tempat kasih dan kebenaran akhirnya bertemu, manakala keadilan dan damai saling berpelukan.”

Dengan hati seorang gembala dan

bapa, Sri Paus menyeru semua orang agar “menghentikan pembinaan Babel yang bahu dan berganding bahu membina segala yang baik, supaya kemanusiaan tidak kehilangan keindahannya dan dunia sekali lagi mengenali bahawa di dalam hati setiap

insan terdapat tempat yang ingin didiami oleh Tuhan.”

Pada akhir surat tersebut, Sri Paus mempercayakan wakilnya itu kepada perlindungan penuh kasih Santa Perawan Maria dan suaminya, Santo Yosef. **Media Vatikan**

Kasih Tuhan tidak pernah bersifat eksklusif

Pencinta alam sekitar terkenal, John Muir, pernah bertanya, “Mengapa orang Kristian begitu keberatan membenarkan haiwan memasuki syurga yang, menurut tanggapan mereka, begitu sempit?”

Persoalan itu juga boleh diajukan kepada Gereja hari ini: mengapa kita kadangkala begitu sukar membuka pintu belas kasihan Tuhan dan meja perjamuan-Nya kepada orang lain?

Apabila kita melihat kepada Yesus dalam Injil, kita tidak akan menemui satu pun peristiwa di mana Dia menetapkan syarat moral atau agama sebelum seseorang dijemput duduk makan bersama-Nya.

Sebaliknya, Yesus sentiasa menyambut sesiapa sahaja yang datang kepada-Nya.

Sebaliknya, yang sering meletakkan halangan ialah para murid-Nya sendiri. Dengan niat yang baik, mereka cuba melindungi Yesus daripada kelompok tertentu, termasuk kanak-kanak.

Namun Yesus sentiasa menegur mereka dengan berkata, “*Biarkan mereka datang kepada-Ku.*”

Tidak hairanlah Dia sanggup berbicara secara peribadi dengan wanita Samaria yang pernah berkahwin lima kali, walaupun tindakan itu bertentangan dengan kebiasaan masyarakat pada waktu itu.

Persoalan mengenai perkongsian Perjamuan Kudus antara denominasi (*intercommunion*) sememangnya lebih rumit daripada sekadar mengatakan bahawa Yesus menerima semua orang. Namun hakikat bahawa Yesus sentiasa bersikap terbuka tidak boleh diketepikan.

Dari sudut teologi, terdapat persetujuan yang meluas bahawa pembaptisan membuka jalan kepada seseorang untuk mengambil bahagian dalam kehidupan Kristus. Kebanyakan Gereja Kristian juga saling mengiktiraf kesahan pembaptisan masing-masing. Maka timbul

persoalan: jika demikian, mengapa seorang Kristian tidak boleh menyambut Perjamuan Kudus di mana-mana Gereja Kristian?

Jawapan yang lazim diberikan lebih bersifat pastoral daripada teologi. Setiap denominasi sering diumpamakan sebagai sebuah keluarga, dan lazimnya ahli keluarga makan di meja mereka sendiri. Oleh itu, umat biasanya menerima Perjamuan Kudus dalam komuniti Gereja masing-masing.

Namun, dalam keadaan tertentu, seseorang juga boleh dijemput ke meja keluarga yang lain.

Atas dasar itu, banyak tradisi Kristian membezakan antara *intercommunion* secara sekali-sekala, misalnya semasa pengebumian, perkahwinan atau perhimpunan doa bersama, dengan *intercommunion* secara tetap. Yang pertama dilihat mempunyai nilai pastoral, manakala yang kedua dianggap memerlukan kesatuan Gereja yang lebih mendalam.

Pendekatan Gereja terhadap perkara ini juga berubah mengikut peredaran zaman. Dalam Gereja Katolik, misalnya, sekitar tahun 1960-an dan 1970-an, umat daripada Gereja lain lazimnya dialu-alukan untuk menerima Komuni pada majlis-majlis tertentu.

Pada dekad-dekad berikutnya, para imam semakin digalakkan supaya tidak membuat



jemputan secara terbuka. Setelah tahun 2000 pula, di banyak tempat, mereka diminta menjelaskan bahawa Komuni hanya diperuntukkan kepada mereka yang memenuhi syarat menurut disiplin Gereja.

Namun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kelihatan kecenderungan untuk kembali kepada pendekatan yang lebih mesra dan terbuka dalam situasi tertentu. Perubahan ini menunjukkan bahawa persoalan tersebut bukan semata-mata berkaitan doktrin, tetapi juga melibatkan kebijaksanaan pastoral.

Semua pihak berkongsi cita-cita yang sama, iaitu agar suatu hari nanti semua orang Kristian dapat berkumpul sebagai satu keluarga di sekeliling satu meja Ekaristi. Yang membezakan mereka hanyalah pandangan tentang jalan terbaik untuk mencapai matlamat tersebut.

Ada yang berpendapat bahawa ketidakmampuan berkongsi Perjamuan Kudus akan membangkitkan kerinduan yang lebih mendalam terhadap perpaduan Gereja. Sebaliknya, ada juga yang percaya bahawa sikap yang lebih terbuka akan lebih menggalakkan usaha

ekumenisme. Kedua-dua pandangan mempunyai asas yang tersendiri.

Secara peribadi, saya lebih cenderung kepada pandangan yang kedua. Berdasarkan pengalaman, apabila kita saling mengecualikan daripada meja Ekaristi, jurang perbezaan mudah menjadi semakin lebar. Sebaliknya, apabila kita saling menyambut dalam semangat persaudaraan, rasa curiga yang diwarisi sejak zaman Reformasi sedikit demi sedikit dapat dihapus.

Saya juga sukar menerima anggapan bahawa hanya satu Gereja sahaja merupakan ungkapan Gereja Kristus yang sepenuhnya, manakala denominasi lain dianggap kurang sah sebagai murid Kristus, sehingga kehadiran mereka di meja Ekaristi dikhuatiri akan menjelaskan martabat sakramen tersebut.

Dalam hal ini, kita mungkin menyerupai para murid Yesus yang, walaupun berniat baik, cuba menghalang orang lain daripada mendekati-Nya. Namun Yesus sentiasa menjawab, “*Biarkan mereka datang kepada-Ku.*” Yesus tidak memerlukan kita melindungi-Nya daripada mereka yang rindu untuk bertemu dengan-Nya.

Kasih, belas kasihan dan pelukan Tuhan yang dinyatakan melalui Yesus sentiasa luas dan terbuka. Tuhan tidak memilih untuk mengasihi berdasarkan bangsa, denominasi atau tradisi tertentu.

Setiap orang ialah anak yang dikasihi-Nya. Tuhan bukan milik eksklusif mana-mana Gereja atau komuniti. Ini bukan berarti semua agama atau Gereja adalah sama, ataupun perbezaan yang wujud tidak lagi penting.

Sebaliknya, kita dipanggil supaya tidak menghadkan keluasan kasih Kristus dengan pemahaman kita yang terlalu sempit. Pelukan Yesus sentiasa lebih luas daripada batas-batas yang sering kita bina sendiri. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

Mencari harta yang tidak akan binasa

Ada satu soalan yang menarik untuk kita renungkan hari ini.

Jika Tuhan datang kepada kita seperti Dia datang kepada Raja Salomo dan berkata, “Mintalah apa sahaja yang engkau kehendaki,” apakah yang akan kita minta?

Mungkin ada yang meminta kesihatan, rezeki, rumah yang lebih besar, pekerjaan yang baik atau kehidupan yang bebas daripada masalah.

Namun, Salomo meminta sesuatu yang jauh lebih bernilai. Dia berkata, “Berilah hamba-Mu hati yang faham menimbang perkara.”

Salomo tidak meminta kekayaan atau umur yang panjang, tetapi kebijaksanaan. Mengapa? Kerana dia sedar bahawa tanpa kebijaksanaan daripada Tuhan, semua perkara lain tidak akan membawa kebahagiaan yang sejati.

Itulah sebabnya Tuhan bukan sahaja menganugerahkan kebijaksanaan, malah membarkatinya dengan pelbagai anugerah lain.

Dalam Injil hari ini, Yesus memberikan tiga perumpamaan.

Pertama, harta yang terpendam di ladang.

Kedua, pedagang yang menemui mutiara yang sangat berharga.

Dalam kedua-dua kisah ini, mereka melakukan perkara yang sama. Mereka menjual segala yang dimiliki demi memperoleh satu perkara yang jauh lebih bernilai.

Yesus sedang mengajar bahawa Kerajaan Syurga lebih berharga daripada segala sesuatu di dunia ini.

Masalahnya ialah ramai orang tidak menyedari nilai harta itu.

Ada yang menghabiskan seluruh hidup mengejar wang, pangkat, kemasyhuran dan kesejahteraan. Semua itu tidak salah, tetapi semuanya bersifat sementara. Wang boleh habis. Kesihatan boleh merosot. Jawatan boleh hilang. Akhirnya, setiap manusia akan meninggalkan semuanya.

Tetapi hubungan dengan Kristus tidak

akan pernah hilang. Sebab itu Yesus berkata bahawa apabila seseorang benar-benar menemui Kerajaan Tuhan, dia akan sanggup melepaskan apa sahaja yang menghalang nya daripada memiliki harta itu.

Perhatikan satu perkataan penting dalam Injil. Orang yang menemui harta itu “dengan sukacitanya” menjual segala miliknya. Dia tidak melakukannya kerana terpaksa.

Dia melakukannya kerana dia tahu apa yang bakal diperolehnya jauh lebih besar daripada apa yang dilepaskannya.

Begitu juga dengan kehidupan Kristian. Ada kalanya kita menganggap iman sebagai beban kerana perlu menghadiri Misa, berdoa, mengampuni dan meninggalkan dosa.

Namun, semua itu bukan suatu kehilangan. Sebaliknya, ia merupakan pertukaran daripada perkara yang sementara kepada kehidupan yang kekal. Hal ini dapat diumpamakan seperti seorang atlet yang sanggup berlatih bertahun-tahun demi meraih pingat emas, atau seorang pelajar yang sanggup berjaga malam demi masa depannya.

Begitu juga seorang murid Kristus sanggup membuat pengorbanan kerana dia tahu apa yang menantinya jauh lebih indah.

Dalam bacaan kedua, Santo Paulus memberikan satu janji yang sangat menguatkan.

“Tuhan turut bekerja dalam segala sesuatu untuk mendatangkan kebaikan bagi mereka yang mengasihi-Nya.”

Ini tidak bermaksud hidup seorang Kristian bebas daripada penderitaan.

Sebaliknya, Tuhan mampu menggunakan kegagalan, kesedihan, penyakit, kehilangan malah dosa yang sudah disesali untuk membentuk kita menjadi semakin serupa

**HARI MINGGU BIASA KE-17
TAHUN A**

**1 Raja-raja 3: 5,7-12;
Roma 8:28-30;**

MATIUS 13: 44-52 (atau 13:44-46)

dengan Kristus.

Kadang-kadang kita hanya melihat cebisan kecil daripada rancangan Tuhan. Tetapi Tuhan melihat keseluruhannya.

Orang yang menemui harta terpendam mempercayai nilai harta tersebut.

Kita dipanggil untuk percaya bahawa Tuhan sedang memimpin hidup kita menurut rancangan-Nya.

Perumpamaan ketiga iaitu perumpamaan pukat (Mat 13:44-52), Yesus mengingatkan bahawa setiap orang akhirnya akan berhadapan dengan penghakiman Tuhan. Maka persoalannya bukan sekadar, “Berapa banyak yang telah aku miliki?” tetapi “Siapa yang telah menjadi harta hidupku?”

Jika Kristus menjadi pusat hidup kita, seluruh hidup kita akan diatur mengikut nilai Kerajaan Tuhan.

Hari ini Tuhan mengajak kita memeriksa semula keutamaan hidup. Apakah “harta” yang paling kita kejar sekarang? Adakah Kristus benar-benar menjadi harta terbesar dalam hidup kita, atau sekadar salah satu daripada banyak perkara yang kita utamakan?

Marilah kita memohon seperti Raja Salomo: bukan pertama-tama kekayaan atau kejayaan, tetapi hati yang bijaksana, supaya kita mampu mengenali nilai Kerajaan Syurga. Apabila kita benar-benar menemui Kristus, kita akan sedar bahawa tiada apa pun di dunia ini yang dapat menandingi kasih-Nya. **Fr Adreas Dini, Lantera Kehidupan**



KUCHING: Program antarabangsa LANDINGS, sebuah pelayanannya pembaharuan iman dan rekonsiliasi Katolik yang diasaskan oleh Kongregasi Paderi Paulist di Amerika Syarikat pada tahun 1989, menyediakan ruang yang mesra dan selamat bagi mereka yang ingin merenung, memperbaharui serta menghidupkan kembali perjalanan iman mereka.

Sejak diperkenalkan, program ini telah membantu ramai umat Katolik di Amerika Syarikat, Singapura, Sabah dan Lembah Klang untuk kembali mendekatkan diri kepada Tuhan serta menghayati semula kehidupan dalam komuniti Gereja.

Melalui pertemuan mingguan dalam kumpulan kecil, para peserta diberi peluang berkongsi pengalaman hidup secara sulit, saling mendengar dengan hati yang terbuka, berdoa bersama dan mengenali kehadiran Tuhan dalam perjalanan hidup masing-masing.

Semua sesi dijalankan dalam suasana yang menerima tanpa menghakimi, dengan bimbingan fasilitator terlatih yang menemani para peserta sebagai sahabat dalam semangat belas kasihan, sokongan dan pengertian.

Ramai peserta mengakui bahawa melalui pengalaman ini, mereka kembali mengalami kasih Tuhan yang tanpa syarat, belas kasihan-Nya yang menyembuhkan serta rahmat-Nya yang memperbaharui hidup.

LANDINGS Kuching pernah diadakan pada tahun 2025. Program ini diadakan semula di ACCPC, Katedral St Joseph, Kuching, bermula 9 Julai hingga September 2026.

LANDINGS: Perjalanan kembali kepada iman



Program LANDINGS pertama di Kuching pada tahun 2025.

Program diteruskan dengan Retret Hujung Minggu di Pusat Ziarah Gethsemane, Bunan Gega, Serian dari Sepetember 4 hingga 6, sebelum diakhiri dengan Majlis Penutupan di ACCPC pada September 25, 2026.

John dan Audrey yang pernah menyertai LANDINGS berkongsi bahawa LANDINGS telah memperbaharui iman dan kepercayaan mereka kepada Tuhan, terutama selepas melalui pelbagai cabaran hidup.

Mereka mengakui pernah berasa kecewa

apabila doa-doa mereka seolah-olah tidak dijawab sehingga berhenti menghadiri Misa dan menjauhkan diri daripada kehidupan Gereja.

Atas galakan seorang rakan, isteri beliau yang ketika itu juga tidak lagi mengamalkan iman secara aktif telah menyertai LANDINGS.

Walaupun pada mulanya mereka berasa takut dan ragu-ragu kerana sudah lama meninggalkan Gereja, pengalaman sepanjang program itu telah mengubah hidup

mereka.

"Melalui LANDINGS, iman kami diperbaharui. Kami belajar semula untuk mempercayai rancangan Tuhan bagi hidup kami dan keluarga kami," kata mereka.

Seorang lagi peserta, Teresa, mengakui beliau pada mulanya menyangka LANDINGS hanya ditujukan kepada umat Katolik yang telah lama meninggalkan Gereja.

Namun selepas menyertainya, beliau mendapati program itu menghimpunkan peserta daripada pelbagai latar belakang, termasuk mereka yang aktif dalam Gereja dan mereka yang sudah lama tidak hadir ke Gereja, daripada golongan belia sehinggalah warga emas. Selain pengisian mingguan yang menyentuh hati, sesi refleksi dan perkongsian menjadi detik yang paling dinantikannya setiap minggu.

"Sedikit demi sedikit saya menyedari bahawa kita semua sedang menempuh perjalanan hidup yang sama. Mendengar orang lain berkongsi pengalaman yang hampir serupa dengan pengalaman saya memberikan harapan, kekuatan dan dorongan untuk terus melangkah," katanya. **Sumber Today's Catholic**



Melayani Tuhan dengan hati yang bersedia

MEMBAKUT: Seramai 110 peserta menghadiri Rekoleksi Pewarta Sabda, Pemazmur dan Komentator yang bertemakan "Melayani Tuhan dengan Hati yang Bersedia."

Tema ini dipilih kerana pelayanannya sering menuntut masa, tenaga dan kesabaran. Hati yang bersedia sanggup mengutamakan Tuhan dan umat walaupun berdepan kesukaran.

Sesi ceramah disampaikan oleh Fr Boniface Kimsin bertajuk "Tugasan serta Huraian Berkaitan Pewarta Sabda, Pemazmur dan Komentator", yang memberikan pemahaman lebih mendalam tentang peranan, tanggungjawab dan pelayanannya setiap petugas liturgi.

Beliau menekankan bahawa setiap pelayanannya dalam liturgi bukan sekadar melaksanakan tugas, tetapi merupakan satu panggilan untuk melayani Tuhan dan umat dengan penuh persediaan, kerendahan hati serta kesetiaan.

Para peserta turut diingatkan supaya sentiasa membuat persiapan yang rapi, menghayati Sabda Tuhan dan melaksanakan tugas dengan penuh hormat agar liturgi dapat dirayakan dengan tertib, bermakna dan membawa umat semakin dekat kepada Tuhan.

Mereka juga diingatkan bahawa setiap pelayanannya liturgi bukan sekadar menjalankan tugas atau memenuhi giliran, tetapi merupakan satu bentuk kesaksian iman dan pengabdian kepada Kristus yang hadir dalam liturgi serta dalam perhimpunan umat beriman.

Program diakhiri dengan Misa Kudus dan upacara pengutusan sebagai tanda komitmen para peserta untuk terus melayani Tuhan dengan penuh iman, dedikasi dan kesetiaan.

LIMBAHAU: Gereja Holy Rosary Limbahau telah menjadi tuan rumah Persekutuan Doa Gabungan Majlis Gereja-Gereja Daerah Papar (MGGDP) yang menghimpunkan hampir 200 umat Kristian daripada pelbagai denominasi.

Perhimpunan doa ini disertai oleh wakil-wakil daripada Gereja Katolik, Anglikan, Basel, Sidang Injil Borneo, *Seventh-day Adventist Church* dan Calvary.

Dalam ucapan alu-aluannya, Fr Paul Lo melahirkan rasa syukur kepada Tuhan atas peluang untuk berhimpun dalam persekutuan doa yang penuh bermakna ini.

Beliau menegaskan bahawa dalam dunia yang semakin mencabar, umat Kristian perlu terus teguh dalam iman serta memperkukuhkan semangat kesatuan agar dapat menjadi saksi Kristus dan bersama-sama memainkan peranan dalam memulihkan dunia.

Sepanjang program berlangsung, wakil daripada setiap Gereja memimpin doa bagi pelbagai intensi, termasuk keamanan dunia, pertumbuhan iman, kesejahteraan ekonomi, belia,

Kristian pelbagai denominasi berhimpun dalam doa di Limbahau



keharmonian keluarga serta pemulihan dan pembaharuan iman dalam Gereja. Sesi doa turut diselang-selikan dengan lagu-lagu puji-pujian yang dipimpin oleh Komite Catholic Charismatic Renewal (CCR) Kinuta.

Program ini menjadi lambang kesatuan umat Kristian di Daerah Papar.

Walaupun berasal daripada denominasi yang berbeza, semua peserta berkumpul dengan satu tujuan, iaitu memuliakan Tuhan dan memohon rahmat-Nya melalui Yesus Kristus. Selepas perhimpunan doa, para peserta meneruskan sesi persaudaraan di Dewan Fr Augustine Amandus.

Warisan Borneo satukan komuniti Gereja

IPOH: Kumpulan Bahasa Malaysia (BM) Gereja Our Mother of Perpetual Help (OMPH) telah menganjurkan Pesta Kaamatan dan Gawai pada Julai 5 lalu di Dewan OMPH.

Walaupun diraikan lewat daripada tarikh asal, sambutan ini memberi peluang kepada komuniti Sabah dan Sarawak yang menetap di Ipoh untuk bersama-sama merasai kemeriahan Kaamatan

dan Gawai di perantaraan.

Bagi komuniti Borneo, program ini bukan sahaja mengubat kerinduan terhadap kampung halaman, malah menjadi wadah memperkenalkan keunikan budaya Sabah dan Sarawak kepada umat OMPH yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang.

Para tetamu disambut mengikut adat masyarakat Borneo dengan minuman

tradisional seperti *lihing*, *langkau* dan tapai sebagai tanda alu-aluan. Sambutan turut dimeriahkan dengan persembahan nyanyian, tarian tradisional, pertunjukan fesyen pakaian etnik serta pelbagai hidangan tradisional, antaranya *linopot*, *hinava*, *kelupis*, laksa Sarawak, sambal tuhan dan jeruk bambangan.

Majlis turut dihadiri paderi paroki OMPH, Fr Joseph Stephen, bersama Fr Patrick Masang dan Fr Joshua.

Lebih 200 umat daripada komuniti bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Cina hadir memeriahkan sambutan yang berlangsung dalam suasana penuh kegembiraan dan semangat persaudaraan.

Program seperti ini diharapkan dapat diteruskan sebagai usaha memelihara warisan budaya Sabah dan Sarawak, di samping mengeratkan perpaduan dalam komuniti Gereja. **Alison Esther Biam**



Sahabat kecil Yesus

Hello anak-anak, apa khabar?

Yesus dalam pembacaan Injil pada hari Minggu ini bersabda, "Kerajaan Syurga itu seumpama harta yang terpendam di ladang. Apabila seseorang menjumpainya, dia menyembunyikannya semula. Dengan penuh sukacita, dia pergi menjual segala miliknya lalu membeli ladang itu." (Matius 13:44)

Anak-anak, jika kita ingin menemukan harta yang dimaksudkan oleh Yesus, Kitab Suci boleh diibaratkan sebagai peta yang membimbing kita ke arah harta tersebut.

Tahukah anak-anak bahawa Kitab Suci kita mengandungi begitu banyak ajaran dan kisah yang berharga?

Namun, kadang-kadang kita sukar memahaminya. Jadi, bagaimana kita tahu di manakah harta itu berada?

Jawapannya ada pada Yesus. Dialah yang menunjukkan jalan kepada kita.

Apabila kita membaca Alkitab, berdoa dan mengikuti ajaran Yesus, sedikit demi sedikit kita akan menemui "harta" yang sebenar.

Harta itu bukanlah emas atau permata, tetapi kasih Tuhan, sukacita, damai, pengampunan dan kehidupan kekal bersama-Nya dalam Kerajaan Syurga.

Oleh itu, marilah kita mengasihi Yesus, mendengar sabda-Nya dan hidup menurut ajaran-Nya. Apabila kita berbuat demikian, kita sedang melangkah semakin dekat kepada harta yang tidak akan pernah hilang.

Salam Sayang
Aunty Melly

Cari TUJUH perbezaan pada gambar ini.



Kerajaan Syurga itu seumpama harta yang terpendam di ladang.
(Matius 13:44)

Yesus bersabda, "Kerajaan Syurga itu seumpama harta yang terpendam di ladang." (Matius 13:44)

Mari Padankan!

Padankan setiap perkataan dengan gambar yang betul.



DAMAI

KEGEMBIRAAN

MENGAMPUNI

PERSAHABATAN

BERKONGSI

DOA



CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI

Cari dan bulatkan perkataan-perkataan tersembunyi di bawah dalam kotak huruf!



	TERPENDAM	H	A	R	T	A	B	X	Y	U	K	A
	HARTA	L	A	D	A	N	G	Q	W	E	R	T
	SYURGA	S	Y	U	R	G	A	I	O	P	A	S
	LADANG	K	E	R	A	J	A	A	N	D	F	G
	MUTIARA	Z	X	C	V	B	N	M	U	T	I	A
	KERAJAAN	I	N	D	A	H	J	K	L	Z	X	C
	SUKACITA	S	U	K	A	C	I	T	A	V	B	N
	JUMPA	T	E	R	P	E	N	D	A	M	Q	W
	MENCARI	M	E	N	C	A	R	I	E	R	T	Y
	SEMBUNYI	S	E	M	B	U	N	Y	I	U	I	O
	INDAH	J	U	M	P	A	A	S	D	F	G	H



Kerajaan Syurga itu seumpama harta yang terpendam di ladang... atau seumpama seorang pedagang yang mencari mutiara yang indah.

- Matius 13:44-46

BELIA

Mengapa menyertai WYD Seoul 2027?

"Marilah ikut Aku." (Mat 4:19)

World Youth Day (WYD) bukan sekadar perhimpunan belia Katolik terbesar di dunia, tetapi satu pengalaman iman yang menghimpunkan belia dari pelbagai negara, budaya dan bahasa untuk bersama-sama bertumbuh dalam Kristus.

Sepanjang WYD Seoul 2027, para peserta akan mengikuti Misa bersama Sri Paus, katekesis oleh para uskup, Jalan Salib, Vigil serta pelbagai aktiviti rohani.

Mereka juga berpeluang mengenali kehidupan Gereja di Korea Selatan melalui program *Days in the Dioceses*. Ramai bekas peserta mengakui bahawa mereka pulang dengan iman yang diperbaharui, persahabatan baharu dan semangat untuk melayani Gereja.

Langkah Pertama ke WYD Seoul 2027

Ingin menyertai WYD Seoul 2027? Langkah pertama ialah mengisi *Registration of Interest (ROI)* atau Pendaftaran Minat. ROI bukan pendaftaran rasmi, tidak memerlukan bayaran dan tidak menjamin tempat sebagai peserta.

Sebaliknya, ia membantu pihak penganjur membuat perancangan serta menyalurkan maklumat terkini kepada bakal penziarah. Pendaftaran rasmi dijangka dibuka sekitar Oktober 2026, diikuti proses pengesahan oleh keuskupan dan pembayaran.

Jika anda merasakan Tuhan memanggil anda, mulakan persediaan dari sekarang dengan menghubungi pejabat belia paroki atau keuskupan anda.

Berapa Kos ke WYD Seoul 2027?

Salah satu persoalan utama bakal peserta ialah kos penyertaan. Berdasarkan anggaran awal, seorang penziarah Malaysia perlu menyediakan sekitar RM5,000 hingga RM6,300.

Jumlah ini merangkumi yuran rasmi WYD, kos kontinjen Malaysia, tiket penerbangan, insurans perjalanan dan perbelanjaan peribadi. Kos sebenar akan diumumkan kemudian.

Walaupun jumlahnya agak besar, jangan jadikan ia penghalang. Ramai peserta WYD sebelum ini berjaya mengumpulkan dana melalui simpanan, jualan amal serta sokongan keluarga, komuniti dan paroki.

Persediaan ke WYD bukan hanya tentang kewangan, tetapi juga tentang membina

Jom ke WYD Seoul 2027!



Satu ziarah sejuta pengalaman

disiplin, kesabaran dan kepercayaan kepada penyelenggaraan Tuhan.

Mulakan langkah kecil hari ini, kerana setiap perjalanan iman bermula dengan satu keputusan untuk menyahut panggilan Kristus.

Bersediakah anda menjadi seorang penziarah?

Ramai membayangkan *World Youth Day* (WYD) seperti percutian ke luar negara. Hakikatnya, WYD ialah satu ziarah iman.

Sepanjang berada di Seoul, para peserta dijangka menginap di sekolah, dewan paroki, gimnasium, kemudahan komuniti atau bersama keluarga angkat.

Kebanyakan penginapan dikongsi bersama peserta lain dan para penziarah mungkin perlu tidur menggunakan sleeping bag atau tikar perkhemahan.

Walaupun sederhana, pengalaman ini mengajar belia hidup dalam semangat komuniti, saling membantu dan menghargai persahabatan tanpa mengira bangsa atau bahasa. WYD bukan tentang keselesaan, tetapi tentang membuka hati kepada Tuhan dan sesama manusia.

Siapakah yang boleh menyertai WYD?



Penyertaan dalam Kontinjen Malaysia memberi keutamaan kepada belia berumur 18 hingga 39 tahun. Belia di bawah had umur mungkin perlu ditemani ibu bapa atau penjaga yang dilantik.

WYD juga mengalu-alukan penyertaan belia kurang upaya. Mereka yang mempunyai keperluan khas atau keadaan kesihatan tertentu digalakkan menghubungi pihak penganjur lebih awal supaya bantuan yang bersesuaian dapat disediakan.

Mengapa perlu sertai kontinjen Malaysia?

Walaupun seseorang boleh menyertai WYD secara persendirian, Gereja menggalakkan belia menyertai Kontinjen Malaysia. Dengan cara ini, para peserta akan menerima maklumat rasmi, pembentukan iman, bimbingan pastoral dan sokongan daripada keuskupan sebelum, semasa dan selepas WYD.

Kontinjen Malaysia mengamalkan model yang menggabungkan penyelarasan di peringkat kebangsaan dengan pendampingan oleh setiap keuskupan. Ini membantu para belia terus berakar dalam komuniti Gereja tempatan sambil mengalami Gereja sejagat.

Menyertai Kontinjen Malaysia bukan sekadar memudahkan perjalanan ke Seoul, tetapi juga membuka peluang membina persahabatan, berkongsi pengalaman iman dan saling menguatkan sepanjang ziarah bersama Kristus.

Perlukan maklumat Lanjut? Hubungi pejabat belia anda

Masih mempunyai persoalan tentang *World Youth Day* (WYD) Seoul 2027? Jangan risau. Gereja menyediakan saluran untuk memban-

tu para belia mendapatkan maklumat yang tepat mengenai pendaftaran, persediaan, penyertaan dan peluang menjadi sukarelawan.

Bakal peserta digalakkan menghubungi Pejabat Belia Keuskupan atau Paroki masing-masing, atau Pasukan Penyelaras Kebangsaan (*National Coordinating Team*) untuk mendapatkan bimbingan lanjut. Selain itu, ikuti perkembangan terkini melalui saluran rasmi *Malaysia Catholic Youth Commission* (MCYC), termasuk Instagram dan saluran WhatsApp rasmi WYD Seoul 2027 *Malaysian Contingent*. Semua maklumat penting akan dikongsi dari semasa ke semasa.

Garis masa pendaftaran semasa

Berikut ialah anggaran garis masa penyertaan *World Youth Day* (WYD) Seoul 2027 bagi Kontinjen Malaysia:

- **Fasa 1:** Pendaftaran Hasrat Menyertai (*Registration of Interest/ROI*) Mei – Ogos 2026
- **Fasa 2:** Pendaftaran Rasmi Oktober – Disember 2026
- **Fasa 3:** Pengesahan dan Pengendorsan oleh Keuskupan Oktober 2026 – Januari 2027
- **Fasa 4:** Tempoh Pembayaran Disember 2026 – Januari 2027
- **Fasa 5:** Pengesahan Akhir Peserta Mulai Februari 2027

Nota: Semua tarikh ini adalah anggaran semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut maklumat terkini daripada Jawatankuasa Penganjur WYD Seoul 2027.

●bersambung keluaran akan datang



Para peziarah melambatkan bendera Korea Selatan ketika Pope Leo XIV meninggalkan Padang Tor Vergata di Rom selepas memimpin Misa penutup Jubli Belia pada Ahad, 3 Ogos 2025. (ROY LAGARDE/CBCP)

Berita singkat antarabangsa

Utusan Sri Paus, teruskan misi kemanusiaan di Ukraine

KYIV: Kardinal Matteo Maria Zuppi, Presiden Persidangan Uskup Itali, meneruskan misi kemanusiaannya ke Ukraine dengan memimpin doa memohon keamanan yang adil buat negara itu, sambil membawa pesan kedekatan dan sokongan Sri Paus Leo XIV kepada rakyat yang terus menderita akibat perang.

Di Dataran St Michael, Kyiv, beliau berdoa agar Tuhan mengurniakan keamanan, membolehkan tawanan perang pulang ke tanah air, kanak-kanak kembali memeluk keluarga, mereka yang hilang ditemui, serta setiap keluarga dapat memberikan penghormatan terakhir kepada insan tersayang yang terkorban.

Beliau turut memohon agar Tuhan mengurniakan keberanian dan kebijaksanaan kepada semua untuk menjadi pembina damai.

Lawatan empat hari itu bertujuan mengukuhkan usaha kemanusiaan Takhta Suci yang memberi tumpuan kepada pertukaran tawanan perang, pemulangan kanak-kanak yang

didakwa dibawa ke Rusia, serta penghantaran pulang jenazah mangsa konflik.

Kardinal Zuppi turut menyertai sambutan Pembaptisan Rus' Kyiv yang memperingati pengkristianan negara itu pada tahun 988 oleh Santo Volodymyr Agung.

Beliau kemudian meletakkan sejambak bunga ros merah di Tembok Peringatan sebagai penghormatan kepada mangsa perang dan berdoa agar Santo Volodymyr menerangi hati serta fikiran pemimpin Ukraine dan Rusia supaya membuka jalan menuju keadilan dan perdamaian.

Sebelum tiba di Kyiv, beliau melawat sebuah pusat tahanan tawanan perang di wilayah Lviv serta bertemu pihak berkuasa tempatan dan Komuniti Sant'Egidio, yang giat membantu pelarian dan mangsa perang. Beliau turut menyampaikan kata-kata penghiburan kepada umat Katolik serta menegaskan sekali lagi keprihatinan dan doa Sri Paus Leo XIV untuk rakyat Ukraine. **Media Vatikan**

Perhimpunan pertama misionari digital Katolik Asia

MANILA: Komunikator digital, pencipta kandungan dan pemengaruh Katolik dari seluruh Asia dijemput menyertai Perhimpunan Misionari Digital Katolik Asia yang pertama pada 10–13 September 2026 di ibu pejabat Radio Veritas Asia, Quezon City, Filipina.

Dianjurkan oleh FABC-OSC dan Radio Veritas Asia dengan kerjasama Dikasteri Komunikasi Vatikan, perhimpunan bertema “*Influencers to Witnesses: A*

Synodal Way for Digital Mission in Asia” ini bertujuan membentuk para peserta menjadi saksi Kristus yang autentik di dunia digital.

Program ini turut memperkuat jaringan misionari digital Asia, menggalakkan kerjasama dalam evangelisasi serta menjadi sebahagian daripada persiapan menuju Hari Belia Sedunia (WYD) Seoul 2027 melalui inisiatif “*Asian Voices for WYD*”. **LiCAS News**

Bahasa tanpa kasih halang kesaksian Kristian

TOKYO: Kardinal Isao Kikuchi mengingatkan umat Kristian supaya mengelakkan bahasa yang kasar dan tidak berkasih di media sosial kerana ia mencemarkan martabat manusia serta menghalang pewartaan Injil.

Beliau menegaskan bahawa setiap perkataan perlu lahir daripada keikhlasan, memandangkan Yesus sendiri ialah Sabda

Tuhan yang menjadi manusia. Menurutnya, komunikasi dalam talian juga harus mencerminkan kasih, hormat dan tanggungjawab.

Kata-kata yang dipenuhi kemarahan atau tanpa pertimbangan tidak akan menyediakan “tanah yang subur” untuk Sabda Tuhan bertumbuh dan berbuah. **LiCAS News**

Biarawati Katolik Diugut, Gereja desak perlindungan

BARASAT, India: Gangguan terhadap sekumpulan biarawati Katolik di negeri Bengal Barat, India, mencerminkan peningkatan sentimen permusuhan terhadap umat Kristian sejak parti nasionalis Hindu mengambil alih pentadbiran negeri itu pada Mei lalu, menurut Kesatuan Katolik Seluruh India (AICU).

Pada Julai 12, kira-kira 60 aktivis Hindu dilaporkan mencerooboh biara Auxilium Salesian Sisters di daerah North 24 Parganas dan mengugut para biarawati supaya merobohkan sebuah chapel serta tanah perkuburan yang hampir siap dibina.

AICU menyifatkan insiden itu sebagai pencabulan terhadap hak kebebasan beragama yang dijamin oleh Perlembagaan India.

Badan itu turut menggesa kerajaan negeri agar memberikan perlindungan kepada komuniti Katolik serta mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat.

Pemimpin-pemimpin Gereja tempatan pula melahirkan kebimbangan terhadap peningkatan insiden gangguan dan serangan yang menyasarkan umat Kristian sejak beberapa minggu kebelakangan ini. **UCA News**

Saya datang dengan kelaparan akan keadilan

VATIKAN: “Saya datang tanpa menyediakan ucapan, tetapi saya datang dengan satu kelaparan — kelaparan akan keadilan, kelaparan akan kasih sejati, dan kelaparan akan sebuah Gereja yang benar-benar tahu membuka pintunya untuk menyambut serta menerima setiap orang; sebuah Gereja yang mengasihi semua tanpa menganggap sesiapa sebagai musuh, dan tempat kita semua belajar hidup dalam perdamaian dan pengampunan.”

Demikian kata-kata Sri Paus Leo XIV ketika menyambut para tetamu pada majlis khas “Jamuan Tengah Hari Bersama Sri Paus” di Borgo Laudato Si’, yang terletak di Taman Kepausan Castel Gandolfo.

Majlis itu menghimpunkan kira-kira 200 tetamu, termasuk hampir 40 kanak-kanak daripada golongan kurang upaya yang dibawa oleh Keuskupan Roma bersama beberapa pertubuhan amal.

Mereka turut berpeluang menikmati keindahan alam serta suasana rohani di Borgo Laudato Si’.

Program dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Kardinal Fabio Baggio, Ketua Pengarah Pusat Pengajian Tinggi Laudato Si’, dan Uskup Agung Luis Marín de San Martín, Almoner Sri Paus dan Prefek Dikasteri bagi Pelayanan Amal. Para tetamu turut dibawa melawat sekitar Borgo.

Kasih Tuhan untuk semua

Dalam ucapannya, Sri Paus mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir sambil menegaskan bahawa Gereja dipanggil menjadi tanda kasih Tuhan kepada setiap insan.



MANILA: Presiden Caritas Filipina menggesa Gereja Katolik supaya melihat melangkaui nilai sumbangan semata-mata dengan menilai bagaimana kekayaan dijana, sambil menegaskan bahawa amal kasih tidak boleh dipisahkan daripada keadilan sosial dan pemeliharaan ciptaan Tuhan.

“Keprihatinan kita bukan hanya terhadap apa yang disumbangkan, tetapi juga bagaimana kekayaan dijana, bagaimana pembangunan dilaksanakan, dan bagaimana keputusan ekonomi memberi kesan kepada manusia, komuniti serta alam sekitar,” kata Uskup Gerardo Alminaza (*gambar*) dari Keuskupan San Carlos.

Beliau menegaskan bahawa ajaran Gereja sentiasa menghubung-



“Seperti yang anda ketahui, salah satu gelaran Sri Paus ialah *Pontifex*, yang bermaksud pembina jambatan. Hari ini, kita juga mahu membina jambatan dengan anda semua, bersama keluarga anda dan masyarakat tempat kita hidup — sebuah masyarakat yang berasaskan keadilan, di mana punca kemiskinan dapat dihapuskan dan ketidakadilan yang masih wujud di dunia ini dapat diatasi,” katanya.

“Inilah Gereja yang kita cita-citakan.”

Yesus hadir di tengah-tengah kita

Sri Paus turut merakamkan penghargaan kepada semua yang telah menyediakan jamuan dan menjayakan pertemuan tersebut.

“Setiap kali kita berkumpul dan berkongsi semangat persaudaraan di sekeliling meja yang sama — meja tempat Yesus sendiri hadir di tengah-tengah kita —

kita sebenarnya sedang membina sebuah dunia yang berbeza; dunia yang penuh harapan dan menjadi cahaya bagi dunia kita,” ujar beliau.

Panggilan dalam dunia yang berpecah-belah

Mengakui bahawa dunia hari ini sering dicemari keganasan, kebencian dan diskriminasi, Sri Paus Leo XIV mengajak semua orang membina komuniti yang hidup dalam semangat solidariti serta saling mengambil berat.

“Marilah kita bekerjasama dan sentiasa berusaha menjadi Gereja seperti ini — Gereja yang memperjuangkan keadilan, kedamaian dan kasih,” serunya.

Sebelum mempelawa para tetamu menikmati hidangan, Sri Paus memimpin doa memohon berkat Tuhan ke atas semua yang hadir, keluarga mereka, para penderma serta mereka yang sedang menghadapi kesusahan dan penderitaan. **Media Vatikan**

Gereja digesa menilai cara kekayaan dijana

kan amal kasih dengan keadilan, manakala kasih terhadap golongan miskin tidak boleh dipisahkan daripada tanggungjawab memelihara ciptaan Tuhan.

Pandangan itu disampaikan menerusi refleksi pastoral bertajuk “Refleksi Pastoral tentang Amal Kasih, Keadilan dan Kekudusan Tersembunyi Umat Tuhan”, yang mengupas bagaimana Gereja perlu mengimbangi penghargaan terhadap para penderma dengan komitmen terhadap keadilan sosial dan penjagaan alam sekitar.

Refleksi tersebut diterbitkan pada waktu yang hampir sama ketika Keuskupan Agung Manila menganugerahkan pingat *Pro Ecclesia et Pontifice* kepada Hans Sy, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif SM Prime Holdings.

Anugerah yang bermaksud “Utuk Gereja dan Sri Paus” itu merupakan penghormatan tertinggi yang boleh dikurniakan Sri Paus ke-

pada umat awam atas jasa mereka kepada Gereja Katolik.

SM Prime Holdings kini melaksanakan projek penambakan laut seluas 360 hektar di Pasay City yang dibantah oleh pertubuhan alam sekitar, saintis dan komuniti pesisir pantai kerana dikhuatiri menjejaskan ekosistem marin serta mata pencarian nelayan.

Walaupun demikian, Alminaza menegaskan bahawa Gereja tetap menghargai semua yang menyokong misinya. Namun, rasa syukur tidak seharusnya menghalang Gereja daripada menilai kesan sosial dan alam sekitar hasil aktiviti perniagaan, pelaburan atau pembangunan.

Menurutnya, pembangunan yang sejati mestilah menghormati martabat manusia, melindungi biodiversiti, mempertahankan hak komuniti tempatan serta memelihara keutuhan ciptaan demi generasi akan datang. **LiCAS News**



Tiada hati terlalu keras untuk diubah Tuhan

VATIKAN: Merenungkan Perumpamaan Penabur ketika doa Angelus pada hari Ahad, Sri Paus Leo XIV mengingatkan bahawa Tuhan tidak pernah jemu menaburkan benih Sabda-Nya ke dalam hati manusia, kerana Dia mengetahui bahawa kuasa kasih-Nya sentiasa mengatasi segala kelemahan kita.

Berucap kepada para penziarah yang berhimpun di Castel Gandolfo sempena Hari Minggu Biasa Ke-15, Sri Paus berkata bahawa Perumpamaan Penabur dalam Injil Santo Matius memperlihatkan kemurahan hati Tuhan yang tidak mengenal jemu serta keyakinan-Nya yang tidak pernah luntur terhadap manusia.

Menurut beliau, di tengah-tengah perumpamaan itu berdiri Yesus Kristus sendiri.

“Yesus, Sabda yang menjadi manusia dan menyerahkan hidup-Nya demi keselamatan kita, ialah benih yang terus ditaburkan oleh Bapa ke seluruh dunia agar melalui kematian-Nya, Dia menghasilkan buah yang berlimpah,” katanya.

Sri Paus mengakui bahawa Sabda Tuhan tidak sentiasa menemui hati yang sedia menerimanya. Ada yang keras seperti tanah di tepi jalan, cetek seperti tanah berbatu atau dipenuhi gangguan seperti semak berduri.

Namun, apabila Sabda itu jatuh ke dalam hati yang terbuka dan subur, ia mampu mengubah kehidupan serta menghasilkan buah yang melimpah.

“Itulah sebabnya Bapa tidak pernah berhenti menabur, kerana Dia tahu bahawa kuasa kasih-Nya lebih besar daripada kelemahan kita,” katanya.

Tuhan melihat potensi kebaikan dalam diri setiap insan.

Memetik Santo Yohanes Krisostomus, Sri Paus berkata dari sudut pandang manusia, menabur benih di tanah yang kelihatan tidak sesuai mungkin dianggap sia-sia.

Namun, bagi Tuhan, tiada hati yang terlalu keras untuk diubah menjadi tanah yang subur.

Menurut beliau, keyakinan Tuhan terhadap manusia bukanlah sesuatu yang

naif, tetapi lahir daripada pengetahuan-Nya yang mendalam tentang setiap insan.

“Tuhan melihat potensi kebaikan dalam diri kita, termasuk kebaikan yang kadangkala kita sendiri tidak sedari,” katanya.

Atas sebab itu, Tuhan tidak pernah berhenti mempercayai manusia, bukan sahaja berdasarkan siapa diri kita hari ini, tetapi juga siapa yang mampu kita menjadi apabila kita membuka hati kepada rahmat-Nya.

Menghasilkan buah Roh Kudus

Sri Paus menjelaskan bahawa hati yang menerima Sabda Tuhan dengan kerendahan hati akan menghasilkan buah-buah Roh Kudus.

Memetik Surat Santo Paulus kepada Jemaat di Galatia, beliau menyenaraikan buah-buah tersebut sebagai kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan hati, kebaikan, kesetiaan, kelembutan dan penguasaan diri.

“Betapa dunia kita hari ini amat memerlukan buah-buah Roh Kudus agar kehidupan manusia diperbaharui dan diubah oleh kuasa Tuhan,” katanya.

Mengisi masa rehat dengan Sabda Tuhan

Merujuk kepada musim panas yang sedang berlangsung di Eropah, Sri Paus turut menggalakkan umat Kristian memanfaatkan masa cuti untuk memperbaharui hubungan mereka dengan Tuhan.

Prelatus mengajak umat meluangkan masa mendengar, membaca dan merenungkan Sabda Tuhan, di samping menyediakan ruang untuk berdiam diri dan berdoa.

Menurut beliau, saat-saat hening bersama Tuhan bukan sahaja menyegarkan tubuh, tetapi juga memulihkan jiwa.

Dengan hati yang diperbaharui oleh Sabda-Nya, umat Kristian akan kembali kepada rutin harian dengan semangat baharu untukewartakan Injil serta mengambil bahagian dalam membina Kerajaan Tuhan. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Berikut ialah 10 cara menghormati dan menyayangi warga emas, datuk dan nenek menurut ajaran Katolik. Penekanan bukan sekadar menghormati mereka, tetapi menghayati kasih Kristus melalui tindakan nyata.

1. Luangkan masa bersama mereka

Kasih diukur melalui kehadiran, bukan sekadar hadiah. Duduk berbual, mendengar cerita dan menemani mereka sudah cukup membuatkan mereka berasa dihargai. “Hormatilah ayahmu dan ibumu.” Keluaran 20:12

2. Mendengar dengan sabar

Warga emas sering mengulangi cerita yang sama. Daripada berasa bosan, dengarlah dengan penuh kesabaran kerana mereka sedang berkongsi pengalaman hidup yang berharga. “Setiap orang hendaklah cepat mendengar, lambat berkata-kata.” Yakobus 1:19

3. Membantu tanpa menunggu diminta

Tawarkan bantuan membawa barang, menyediakan makanan, mengemas rumah atau membawa mereka ke hospital dan gereja. Kasih sentiasa diterjemahkan melalui pelayanan.

4. Menghargai kebijaksanaan mereka
Datuk dan nenek telah melalui pelbagai pengalaman hidup. Mintalah nasihat mereka dan hargai pandangan mereka.



5. Berdoa bersama mereka

Ajak mereka berdoa rosari, membaca Kitab Suci atau menghadiri Misa. Doa bersama menguatkan hubungan keluarga dan iman.

6. Menjaga maruah mereka

Apabila usia semakin lanjut, mereka mungkin memerlukan bantuan. Bantulah dengan penuh hormat tanpa memperkecilkan kelemahan mereka atau bercakap kasar.

7. Bersabar apabila mereka semakin uzur

Penuaan membawa perubahan fizikal dan emosi. Layani mereka dengan kelembutan sebagaimana kita berharap orang lain akan melayani kita suatu hari nanti.

8. Menghargai pengorbanan mereka

Ramai datuk dan nenek telah berkorban membesarkan anak-anak dan cucu. Jangan lupa mengucapkan terima kasih dan menunjukkan penghargaan melalui tindakan.

Sri Paus Fransiskus pernah mengingatkan bahawa warga emas bukan beban, tetapi penjaga memori, saksi iman dan jambatan antara generasi. Mereka mewariskan sejarah, nilai dan iman kepada anak cucu. Keluarga yang menghargai datuk dan nenek ialah keluarga yang menghargai akar imannya.

Mengasihi warga emas bukan sekadar memberi penghormatan kepada mereka, tetapi juga menghayati kasih Kristus melalui perhatian, kesabaran, pelayanan dan doa. Dalam setiap senyuman, pelukan dan masa yang kita luangkan bersama mereka, kita sedang membina sebuah budaya kasih yang mencerminkan wajah Gereja sebagai satu keluarga. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Usia menua, semangat tetap muda

Julai 26 ialah Hari Datuk, Nenek dan Warga Emas Sedunia. Setiap kali hari itu tiba, saya tidak hanya teringat akan mendiang datuk dan nenek saya. Saya juga teringat akan sekumpulan wanita di chapel kami yang telah mengubah cara saya melihat usia tua.

Segalanya bermula pada bulan Mac lalu. Selepas menghadiri Seminar Wanita dan Ekologi sempena Hari Wanita, salah seorang penceramah meninggalkan satu cabaran yang sangat mudah.

“Bagaimanakah anda boleh menjadikan kawasan gereja atau chapel anda lebih indah?”

Soalan itu tidak berhenti di dewan seminar. Ia dibawa pulang ke chapel kami. Beberapa orang wanita mula berbincang. Mereka mahu melakukan sesuatu untuk rumah Tuhan. Mereka tidak menunggu bantuan. Mereka tidak menunggu peruntukan. Mereka juga tidak berkata, “Biar orang muda buat.”

Sebaliknya, mereka sendiri mula bekerja. Sebahagian daripada mereka membina beberapa taman mini di keliling chapel. Ada yang menghasilkan sebuah taman kecil yang lain menggunakan tayar lama, botol plastik dan pasu terpakai di kawasan yang selalunya dilalui orang. Ada yang menanam herba. Ada yang melukis dan menulis firman Tuhan lalu menggantungkannya pada pokok. Ada yang mengecat semula tangga yang sudah lama pudar.

Sedikit demi sedikit, kawasan chapel berubah menjadi lebih hidup. Namun, apa yang paling indah bukanlah taman itu. Yang paling indah ialah orang yang membinanya dan kesatuan mereka.

Ramai daripada mereka sudah menghampiri usia 70 tahun. Ada yang menjadi nenek sepenuh masa. Ada yang tidak pernah melakukan kerja-kerja landskap sepanjang hidup mereka.

Tetapi demi mencantikkan rumah Tuhan, mereka sanggup melakukan perkara yang tidak pernah mereka bayangkan.

Ada yang bergurau sambil berkata bahawa mereka sudah menjadi “kerbau”. Mereka mengangkut tanah. Mengalihkan batu. Mengisi pasu. Menanam pokok.

Chapel kami pula terletak di atas bukit. Bekalan air tidak sentiasa mudah diperoleh. Namun, itu juga tidak menjadi alasan. Ada yang membawa gelen-gelen air dari rumah semata-mata untuk menyiram bunga yang baru ditanam. Bukan sekali. Tetapi hampir setiap hari. Saya tidak menceritakan semua ini untuk menunjukkan betapa sukarnya kerja mereka.

Sebaliknya, saya melihat sesuatu yang jauh lebih besar. Saya melihat kebijaksanaan warga emas. Saya melihat kesabaran. Saya melihat curahan kasih sayang mereka terhadap Tuhan dan ekologi.

Saya melihat orang yang tidak tergesa-gesa mencari hasil, tetapi sanggup menikmati proses. Saya melihat generasi yang tahu bahawa sesuatu yang indah tidak lahir dalam sehari. Taman itu mengambil masa hampir tiga bulan untuk disiapkan. Dan mungkin itulah sebabnya ia begitu indah.

Kerana setiap batu, setiap bunga, setiap herba dan setiap pasu mengandungi doa, pengorbanan dan kasih mereka kepada Tuhan. Usia tidak pernah menjadi halangan untuk melayani.

Sempena Hari Datuk, Nenek dan Warga Emas Sedunia, saya belajar bahawa menghormati warga emas bukan sekadar mengadakan sambutan atau memberi hadiah kepada mereka.

Kita menghormati mereka apabila kita memberi ruang kepada pengalaman mereka. Kita menghormati mereka apabila kita mempercayai kebijaksanaan mereka. Kita menghormati mereka apabila kita membenarkan mereka terus menyumbang kepada Gereja. Sri Paus Fransiskus pernah mengingatkan bahawa warga emas ialah penjaga memori dan saksi harapan.

Kini saya benar-benar memahami maksud kata-kata itu. Yang indah-taman di chapel kami bukannya biunga sebaliknya tangan-tangan yang sudah berkedut, namun masih subur dengan kasih kepada Tuhan.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau

WhatsApp: 011-26391498



PULAU PINANG: “Seruan Gereja untuk terusewartakan Injil menjadi teras persidangan *Empowering the Laity for Mission* (ELM) selama empat hari yang bertemakan “Roh dan Pengantin Perempuan Berseru: Datanglah!”

Persidangan itu diilhamkan oleh kata-kata Sri Paus Paulus VI dalam *Evangelii Nuntiandi* (EN 14), “Gereja wujud untukewartakan Injil,” yang berakar daripada Amanat Agung Yesus: “Pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku” (Mat 28:19-20).

Seramai 79 peserta dari Keuskupan Pulau Pinang dan beberapa keuskupan lain menghadiri persidangan yang dianjurkan oleh Komisi Evangelisasi Baharu Keuskupan Pulau Pinang (PDNEC) dengan kerjasama Charis Pulau Pinang.

Berlangsung di Gereja Risen Christ, persidangan itu menghimpunkan 20 sesi ceramah yang memberi tumpuan kepada peranan umat awam dalam karya evangelisasi.

Ketua PDNEC, Simon Wong berkata tema persidangan mengundang semua orang, termasuk mereka yang belum mengenali Kristus, umat yang aktif dan yang telah menjauhkan diri daripada Gereja, untuk datang kepada Tuhan.

Beliau berkata bahawa PDNEC memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan, menginspirasi dan memperluaskan umat awam sebagai pewarta Injil.

Misa pembukaan dipimpin oleh Kardinal Sebastian Francis bersama paderi paroki Risen Christ, Friar Crispus Mosinoh OFM, Msgr Henry Rajoo serta penceramah jemputan, Fr Pat Collins CM dari Ireland dan Fr Dr Charles Chiew dari Keuskupan Keningau.

Dalam homilinya, Kardinal Sebastian mengupas tiga kata kunci persidangan, iaitu “Datang, Diperkasakan dan Pergilah.” Beliau mengajak umat datang kepada Kristus untuk dipenuhi dengan kasih Tuhan

Dipanggil, diperkasa dan diutusewartakan Injil



sebelum diutus menjadi murid misionari.

“Mulakan pelayanan di tempat anda berada, kemudian pergilah dengan dipimpin Roh Kudus sebagai murid yang pernah terluca tetapi telah disembuhkan,” katanya sambil mengingatkan peserta agar sentiasa membuka hati kepada “Perbualan dalam Roh” demi penyucian dan pertumbuhan rohani.

Penceramah utama, Fr Pat Collins, seorang paderi Vincentian dari Ireland merupakan penulis dan penceramah antarabangsa terkenal, menyampaikan katekesis bertajuk “Kuasa Roh Kudus dalam Kehidupan Sehari-hari”.

Fr Pat menegaskan bahawa kekudusan ialah panggilan harian setiap orang Kristian. Dengan merujuk kepada Galatia 5:22-23, beliau mengingatkan bahawa buah-buah Roh perlu diterjemahkan dalam kata-kata

dan tindakan sehari-hari.

Fr Dr Charles Chiew pula mengajak peserta membina kehidupan rohani melalui keheningan dan sikap mendengar Tuhan. Berpandukan sabda Yesus, “Belajarlah daripada-Ku, kerana Aku lemah lembut dan rendah hati” (Mat 11:29), beliau mengingatkan bahawa keheningan merupakan ruang bagi Tuhan membentuk hati seorang murid.

Beliau turut merujuk kepada masa persediaan Yesus di padang gurun serta Santo Paulus yang mengasingkan diri di Arabia sebelum memulakan pelayanan. Beliau menutup perkongsian dengan kata-kata yang membangkitkan harapan: “Masa-masa sukar tidak akan berkekalan, tetapi orang yang tabah akan terus bertahan.”

Leoreen Heah Rodrigues pula berkongsi mengenai “Pembaptisan dalam Roh Kudus” yang mengingatkan peserta bahawa

kehidupan yang dipimpin Roh membawa penyucian dan kekudusan. Beliau turut menegaskan bahawa kematangan rohani tidak diukur berdasarkan usia.

Hari terakhir menampilkan Friar Michael Raymond OFM Cap yang menggalakkan peserta mengenal pasti karisma dan panggilan masing-masing. “Temukan apa yang membangkitkan semangat anda, kemudian nyalakannya sehingga menjadi api yang menerangi orang lain,” katanya.

Selain ceramah, para peserta turut mengambil bahagian dalam Misa harian, sesi pujian dan penyembahan, Perbualan dalam Roh, doa penyembuhan serta pelbagai aktiviti rohani.

Persidangan itu diakhiri dengan seruan yang mencabar semua peserta untuk melangkah keluar dan menjadi saksi Kristus di mana sahaja mereka diutus.

KENINGAU: “Undang-undang Gereja bukan bertujuan membebaskan umat, tetapi membantu memelihara ketertiban, melindungi hak dan tanggungjawab setiap anggota Gereja, serta memastikan misi Gereja dilaksanakan dengan setia menurut ajaran Kristus.”

Demikian kata Fr David Richard Gasikol, JCL, Vikaris Kehakiman (*Judicial Vicar*) Tribunal Keuskupan Keningau, dalam Podcast Bual Bicara yang disiarkan secara langsung menerusi Radio Online Kekitaan Keuskupan Keningau pada Julai 3 lalu.

Dalam sesi bual bicara yang dikendalikan oleh DJ Didiroy itu, Fr David menjawab pelbagai persoalan yang sering dibangkitkan mengenai Sakramen Perkahwinan dan Undang-undang Kanun Gereja.

Mengulas kepentingan undang-undang kanun dalam Gereja Katolik, beliau menjelaskan bahawa kewujudan peraturan yang jelas membantu memelihara kehidupan Gereja daripada kekeliruan serta memastikan segala urusan dilaksanakan dengan semangat keadilan dan kasih.

“Undang-undang Gereja tidak boleh dipisahkan daripada ajaran dan dogma Gereja. Menurut dogma, Yesus Kristus ialah seratus peratus Tuhan dan seratus peratus manusia,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan ajaran tersebut, Gereja di dunia ialah Tubuh Mistik Kristus yang meneruskan misi penyelamatan yang telah diamanahkan oleh Yesus.

“Pada masa yang sama, Gereja juga hidup dalam realiti manusia sebagai sebuah komuniti yang mempunyai struktur dan organisasi. Oleh itu, Gereja memerlukan



Bual Bicara kupas isu perkahwinan Katolik

kan undang-undang supaya segala urusan dapat dilaksanakan secara teratur, adil dan saksama,” katanya.

Salah satu topik yang turut dikupas ialah perkahwinan antara seorang Katolik dengan seorang yang belum dibaptis (*disparity of cult*), contohnya antara seorang Katolik dengan seorang penganut Hindu atau Islam.

Menurut Fr David, di beberapa negara, Gereja membenarkan perkahwinan seperti ini dengan syarat pasangan terlebih dahulu memperoleh kebenaran daripada pihak berkuasa Gereja mengikut peruntukan undang-undang kanun.

Bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, perkara tersebut turut tertakluk kepada

undang-undang sivil.

Di bawah undang-undang negeri yang berkaitan dengan orang Islam, perkahwinan antara seorang Islam dan bukan Islam tidak diiktiraf.

Sehubungan itu, Fr David menggalakkan mereka mendapatkan bimbingan daripada paderi paroki atau mana-mana paderi yang berhampiran.

“Paderi akan menerangkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Gereja serta implikasi undang-undang sivil supaya pasangan dapat membuat keputusan yang tepat selaras dengan ajaran dan ketetapan Gereja,” katanya.

Ketika ditanya oleh moderator, Didiroy, mengenai harapannya terhadap pasangan

suami isteri Katolik memandangkan setiap perkahwinan tidak terlepas daripada pelbagai cabaran dan kelukaan, Fr David berkata, “Saya berharap setiap perkahwinan benar-benar dihayati sebagai satu ikatan yang suci dan sakramen.”

Sekiranya pasangan menghadapi masalah atau memerlukan bimbingan, janganlah berasa segan untuk mendapatkan bantuan. Mereka boleh berjumpa dengan penanggung, paderi paroki atau mana-mana paderi untuk mendapatkan kaunseling, bimbingan dan nasihat.

Beliau turut menjelaskan bahawa Tribunal Gereja bukan sekadar mengendalikan kes Deklarasi Ketidaksahan Perkahwinan. Tribunal juga menyediakan pendampingan pastoral sebelum proses kehakiman (*pre-judicial accompaniment*), iaitu ruang untuk mendengar, berdialog, memberi penjelasan serta membantu pasangan menilai situasi mereka sebelum sebarang proses tribunal dimulakan.

Bual Bicara selama dua jam dalam bahasa Melayu itu turut mengupas pelbagai isu berkaitan Sakramen Perkahwinan, termasuk persediaan sebelum berkahwin dalam Gereja Katolik, Deklarasi Ketidaksahan Perkahwinan, perkahwinan campur, pandangan Gereja terhadap persenyawaan *in vitro* (IVF), pertunangan, adat serta sakramen perkahwinan.

Bagi yang terlepas peluang mengikuti siaran secara langsung, rakaman penuh Bual Bicara ini boleh ditonton melalui Facebook Radio Online Kekitaan Keuskupan Keningau atau saluran YouTube Radio Online Kekitaan Keuskupan Keningau.